



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
DISEASE CONTROL DIVISION  
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA  
ARAS 3,4 DAN 6, BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62590, PUTRAJAYA


Tel : 03-88834527  
Faks : 03-88886270

Ruj Tuan :  
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 4(13)  
Tarikh : 24 Mac 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah  
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

  
DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG  
(MPM 26477)  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan  
(Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN  
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA  
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 11/2021 (14 Mac hingga 20 Mac 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)**  
Pengarah Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 11/2021 dari 14 Mac hingga 20 Mac 2021)

Pada minggu ke-11, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan penurunan sebanyak 25 kes (4.9%) dengan jumlah sebanyak 482 kes dilaporkan berbanding 507 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-11. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 6,560 kes berbanding 31,077 kes bagi tempoh sama tahun 2021 iaitu penurunan 78.9% (24,517 kes), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak tiga (3) kematian berbanding 46 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 43 kematian (93%) **(Lampiran A & C)**. Jumlah lokaliti hotspot adalah sama dengan minggu sebelumnya, iaitu sebanyak lapan (8) lokaliti. Tujuh (7) lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor (87.5%) dan satu (1) lokaliti hotspot berada di WPKL & Putrajaya (12.5%). **(Lampiran B & D)**.

Sistem Surveilan Chikungunya merekodkan sebanyak 40 kes pada minggu ke-11 yang mana 19 kes dari Perak, lapan (8) kes dari Selangor, tujuh (7) kes dari Johor, empat (4) dari WPKL & Putrajaya dan masing-masing satu (1) kes dari Melaka dan Kelantan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 297 **(Lampiran E)**. Bagi surveilan Zika, sebanyak 313 sampel darah telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.

Setiap lapisan masyarakat perlu memainkan peranan dan tanggungjawab untuk membanteras pembiakan Aedes. Pemilik rumah atau premis yang meninggalkan premis dalam tempoh waktu yang lama perlu memastikan tiada tempat potensi pembiakan di persekitaran premis. Bahan pembunuh jentik-jentik perlu dibubuh di tempat takungan air seperti di pam tandas, kolah air, atau struktur yang boleh menakung air. Lupuskan bekas terbiar atau yang tidak digunakan di bahagian belakang rumah atau tanah kosong berhampiran rumah. Pemantauan KKM bermula Januari 2021 sehingga kini, sebanyak 7.1% pembiakan Aedes dilaporkan di rumah kosong dan rumah terbiar. Jangan jadikan jiran tetangga mangsa Demam Denggi akibat kecuaiian dan sikap tidak ambil peduli kita. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia


26 Mac 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 10 dan ke- 11 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 11 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-11 tahun 2021

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 11/2021  
(14 Mac hingga 20 Mac 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 11/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 11/2020	
		Minggu 11 (14 Mac – 20 Mac 2021)		Minggu 10 (7 Mac – 13 Mac 2021)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	1	0	0	0	3	0	17	0
2	Kedah	6	0	3	0	66	0	266	0
3	P. Pinang	9	0	11	0	118	0	276	1
4	Perak	11	0	11	0	149	0	961	1
5	Selangor	280	0	287	0	3,666	0	19,138	16
6	WP KL & Putrajaya	47	0	57	0	724	0	2,365	4
7	N. Sembilan	9	0	12	0	180	1	561	1
8	Melaka	17	0	12	0	246	0	536	3
9	Johor	39	0	42	0	646	1	2,383	6
10	Pahang	12	0	12	0	157	1	759	2
11	Terengganu	0	0	0	0	15	0	91	0
12	Kelantan	6	0	8	0	77	0	1,231	2
13	Sarawak	3	0	9	0	103	0	741	2
14	Sabah	42	0	43	0	408	0	1,749	8
15	WP Labuan	0	0	0	0	2	0	3	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>482</b>	<b>0</b>	<b>507</b>	<b>0</b>	<b>6,560</b>	<b>3</b>	<b>31,077</b>	<b>46</b>

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 11/2021  
(14 Mac hingga 20 Mac 2021)**

<b>NO</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>LOKALITI</b>	<b>BIL KES</b>	<b>TEMPOH WABAK (HARI)</b>
1	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U10 (Alam Budiman : Jln U10/68 - U10/77b)	41	71
2	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 9 (Kuarters IPK Selangor)	12	43
3	SELANGOR	Petaling	E14. Bt 13 1/2 (Koi Tropika)	11	42
4	SELANGOR	Petaling	E15. Bdr Kinrara 6F (Enggang Appt)	21	38
5	WPKL	Cheras	Desa Tasik Polis (Blok 1-17)	10	37
6	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U5 (Nusa Subang : Jln. U5/102 – U5/112)	14	37
7	SELANGOR	Petaling	E3. Seksyen 26 (Flat PPRT Blok A, B, & C)	14	36
8	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 11/3	9	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI  
SEHINGGA MINGGU EPID 11/2021 (20 Mac 2021)**

<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BIL KES (Daerah)</b>	<b>BIL KES (Negeri)</b>
1.	Johor	Kluang	1	24
		Muar	1	
		Tangkak	22	
2.	Kedah	Baling	1	56
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	32	
		Kulim	19	
		Sik	3	
3.	Kelantan	Gua Musang	1	7
		Kuala Krai	2	
		Tanah Merah	1	
		Tumpat	3	
4.	Melaka	Alor Gajah	1	12
		Melaka Tengah	11	
5.	Perak	Kinta	3	78
		Kuala Kangsar	16	
		Larut Matang & Selama	7	
		Manjung	52	
6.	Pulau Pinang	Barat Daya	3	9
		Seberang Perai Tengah	1	
		Seberang Perai Utara	5	
7.	Selangor	Gombak	2	42
		Hulu Langat	2	
		Klang	38	
8.	WP Kuala Lumpur	Kepong	66	69
		Lembah Pantai	3	
<b>JUMLAH KUMULATIF</b>			<b>297</b>	



